




# Pelabur teragak-agak

*Ketidaktentuan politik boleh jejas pertumbuhan ekonomi negara*



Oleh Hafidzul Hilmi  
Mohd Noor  
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**S**pekulasi pembentukan pakatan baharu memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi negara kerana akan secara tidak langsung mengurangkan keyakinan pelaburan asing.

Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah & Jaringan Industri & Masyarakat) Fa-

kulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohamad Fazli Sabri berkata, itu kerana pelabur sentiasa melihat kestabilan politik sesebuah negara.

“Jika kita lihat perubahan pemerintahan sebelum ini, pertumbuhan ekonomi negara tidak memberangsangkan kerana pelabur kurang yakin dengan perubahan.

“Mereka (pelabur) mengambil langkah berjaga-jaga sama ada ingin melabur atau tidak dan akan mengambil tindakan tung-

gu dan lihat,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Yusof Saari berkata, perubahan pemerintahan negara pada masa singkat dilihat boleh men-

jadi baik kepada ekonomi atau sebaliknya.

“Ia bergantung kepada kestabilan politik dan dasar. Jika pemerintahan baharu meneruskan dan memperbaiki dasar yang betul dan baik kepada ekonomi, ini sebuah yang progresif.

“Pelabur lebih berkeyakinan untuk melabur di Malaysia. Sebaliknya, ekonomi akan terus berada pada tingkat sekarang atau menjadi lebih meruncing jika dasar dan langkah pemerintahan baharu tidak progresif kepada pasaran,” katanya.

Mohd Yusof berkata, perubahan

tampuk pemerintahan mampu menjadi ‘baja’ dalam meningkatkan semula ekonomi negara yang kian suram.

“Jika benar perubahan pemerintahan ini berlaku, ia berlaku ketika ekonomi negara sedang bergelut dengan kesan wabak Covid-19, kelembapan ekonomi domestik dan ketidaktentuan persekitaran global.

“Harapannya agar perubahan pemerintahan ini tidak menjadi faktor yang menarik ekonomi terus merudum. Kita muahu terus bergerak ke hadapan bagi memulihkan semula ekonomi negara,” katanya.

Mengulas isu sama, Pensyarah Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain berkata, sektor ekonomi negara terjejas jika kestabilan politik tidak segera diselesaikan.



DR Mohamad Fazli

DR Mohd Yusof